

15 SEP 1998

Umno-Sabbaruddin

J/KUASA DISIPLIN UMNO TAK BERMESYUARAT SEKARANG

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti tidak akan bermesyuarat sehingga mendapat arahan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jawatankuasa itu sebelum ini dipengerusikan bekas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar dipecat daripada parti pada 3 Sept, sehari selepas beliau dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Ketika ditanya siapa yang akan menimbang kes disiplin anggota Umno yang sebelum ini dikendalikan oleh jawatankuasa berkenaan, Sabbaruddin berkata: "Saya tunggu arahan daripada Presiden parti".

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Seni Tekstil Malaysia: Satu Imbasan Kemodenan Berumbi Tradisi, di Bank Negara Malaysia hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan anggota Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara Nizar Idris.

Persoalan mengenai disiplin timbul apabila beberapa anggota Umno dilihat menyokong Anwar dengan apa yang dikatakan gerakan reformasi.

Ketika ditanya tentang kemungkinan Majlis Tertinggi mengambil tindakan terhadap anggota Umno yang bukan sahaja dilihat berada di rumah Anwar tetapi juga menyampaikan ucapan menyokong bekas Timbalan Presiden Umno itu, Sabbaruddin berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

Sabbaruddin juga berkata Ratu Elizabeth II, yang akan berkunjung ke negara ini untuk lawatan rasmi empat hari mulai Ahad ini, akan turut melawat Balai Seni Lukis Negara di Jalan Temerloh di sini.

Bangunan baru Balai Seni Lukis Negara yang bernilai RM40 juta mempunyai ruang pameran terbesar di Asia Tenggara dengan keluasan 15,000 meter persegi.

-- BERNAMA

NHD NMO